

Amaran hujan lebat di empat negeri

Metro 10/11/07

KUALA LUMPUR: Jabatan Meteorologi semalam mengeluarkan amaran hujan lebat peringkat merah bagi Terengganu, Pahang, Johor dan Sabah.

Jabatan itu juga mengeluarkan amaran angin kencang dan laut bergelora kategori kedua bagi perairan Pantai Timur Semenanjung, Sarawak dan Sabah yang berbahaya kepada semua aktiviti perkapalan, termasuk menangkap ikan dan perkhidmatan feri dan semua aktiviti pantai.

Menurut kenyataan akhbar jabatan itu, hujan sederhana lebat dijangka berlaku dari semasa ke semasa secara berterusan sehingga hari ini di semua negeri terbabit kecuali di Sabah.

"Angin kencang timur laut

50 hingga 60 kilometer sejam (kmsj) dan laut bergelora dengan mencapai ombak setinggi 5.5 meter berlaku di kawasan perairan Pantai Timur Semenanjung dan ombak setinggi 4.5 meter di kawasan perairan Sarawak dan Sabah dijangka berterusan sehingga Jumaat ini," katanya.

Amaran ribut petir menyeluruh yang berlaku di perairan pantai Pahang, Johor Timur dan Laut Sulu, Sabah dijangka berterusan sehingga petang ini.

Sementara itu, jabatan berkenaan meramalkan hujan lebat berlaku di beberapa negeri iaitu Terengganu Selatan, Pahang, Negeri Sembilan dan Melaka serta berterusan sehingga hujung minggu ini.